



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Prinsip Perakaunan

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 5



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Prinsip Perakaunan

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 5

Bahagian Pembangunan Kurikulum

2016

2016

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan	vii
Kata Pengantar	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat	2
Objektif	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah.....	3
Fokus	4
Kemahiran Abad ke-21	5
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	7
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	8
Elemen Merentas Kurikulum	11
Pentaksiran Sekolah.....	14
Organisasi Kandungan	17

Perincian Kandungan	
Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan.....	22
Rekod Tak Lengkap.....	25
Perakaunan untuk Kawalan Dalaman.....	28
Perakaunan untuk Perkongsian.....	31
Perakaunan untuk Syarikat Berhad Menurut Syer.....	35
Perakaunan untuk Kelab dan Persatuan.....	38
Perakaunan Kos.....	42
Panel Penggubal	46



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997
[PU(A)531/97]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 akan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1989. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Prestasi (SPi).

Usaha memasukkan standard prestasi dalam dokumen kurikulum telah mengubah landskap pengubalan Kurikulum Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSM, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSM. Semoga pelaksanaan KSSM akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. SARIAH BINTI ABD. JALIL
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) Prinsip Perakaunan (PP) merupakan mata pelajaran elektif di dalam kelompok Ikhtisas Kemanusiaan yang digubal untuk murid Tingkatan 4 dan 5. MPEI memberi fokus kepada keperluan perubahan kurikulum dan pentaksiran berasaskan kompetensi yang merujuk standard industri, badan profesional serta badan pensijilan kebangsaan dan antarabangsa.

Pembangunan kurikulum PP merupakan satu inisiatif dalam usaha menyediakan modal insan yang menyeluruh, seimbang, berakhlak mulia, kritis, kreatif, inovatif serta mengamalkan budaya profesional bagi menghadapi cabaran abad ke-21 seiring dengan perkembangan teknologi dalam industri ke arah mencapai matlamat negara maju.

PP tampil dengan fitur yang berasaskan standard badan pensijilan dan profesional untuk menyediakan asas yang kukuh bagi murid melanjutkan pelajaran dalam bidang yang sama ke peringkat tertiar dan secara langsung menguasai kompetensi standard industri.

Pengajaran dan Pembelajaran (p&p) MPEI dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan berorientasikan amalan perusahaan. Amalan tersebut membantu murid memupuk budaya keusahawanan serta mengukuhkan konsep pembelajaran sambil melakukan dan belajar melalui pengalaman.

Prinsip Perakaunan digubal berteraskan pengetahuan dan kemahiran perakaunan melalui pendekatan pembelajaran bermakna dan kesepaduan teori dan amalan perakaunan. Dalam MPEI PP murid didedahkan tentang konsep dan prinsip asas perakaunan, proses lengkap penyediaan penyata kewangan, perancangan kewangan dan pengurusan pengekosan. Di samping konsep, prinsip dan kaedah perakaunan, murid juga didedahkan kepada penggunaan komputer dalam sistem perakaunan serta analisis maklumat untuk membuat keputusan selaras dengan keperluan k-ekonomi dan perkembangan teknologi maklumat semasa.

MATLAMAT

KSSM MPEI Prinsip Perakaunan bermatlamat untuk melahirkan individu yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran perakaunan, berakauntabiliti, berfikiran kritikal dan reflektif, mengamalkan budaya kerja yang beretika, berkemahiran dalam teknologi maklumat, membudayakan pembelajaran sepanjang hayat, mempunyai kemahiran komunikasi yang baik melalui pendekatan pembelajaran bermakna dan kesepaduan teori dan amalan perakaunan. Seterusnya individu tersebut boleh membuat keputusan, peka terhadap kesan-kesannya, bertanggungjawab dan dapat mengaplikasikannya dalam kerjaya dan kehidupan.

OBJEKTIF


KSSM MPEI PP bertujuan membolehkan murid mencapai objektif seperti berikut:

1. Menghuraikan konsep, prinsip, andaian dan kitaran perakaunan yang diamalkan dalam organisasi perniagaan dan bukan perniagaan;
2. Mengaplikasikan prinsip pengurusan tunai dalam penyediaan buku tunai, buku tunai runcit, penyata penyesuaian bank dan belanjawan tunai;
3. Mengaplikasi analisis kos-volum untung untuk membuat keputusan;
4. Membandingkan jenis pemilikan perniagaan daripada aspek perakaunan bagi milikan tunggal, perkongsian, syarikat, koperasi dan organisasi bukan perniagaan;
5. Menganalisis, mentafsir dan menilai prestasi kewangan sesebuah perniagaan menggunakan analisis nisbah;
6. Mempamer kemahiran berkomunikasi, kerja berkumpulan, pengurusan dan kepimpinan serta etika profesion perakaunan dalam melaksanakan aktiviti perakaunan.
7. Menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam bidang perakaunan secara efektif dan efisien; dan
8. Menyediakan satu set akaun mengikut kitaran perakaunan untuk perniagaan milikan tunggal; penyata kewangan untuk perniagaan perkongsian, kelab dan persatuan serta situasi rekod tak lengkap mengikut tatacara dan amalan perakaunan;

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif

dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketrampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. Kurikulum Prinsip Perakaunan digubal berdasarkan enam tunjung Kerangka KSSM



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah

FOKUS

MPEI Prinsip Perakaunan merupakan satu mata pelajaran elektif di sekolah menengah atas Tingkatan 4 dan 5 yang berlandaskan kepada rangkuman dua bidang perakaunan iaitu kewangan dan pengekosan. Aspek teori yang memerlukan kebolehan melakukan (hands-on) dan kemahiran berfikir (minds-on) merupakan asas pendekatan kontekstual untuk mencapai Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran bagi memenuhi keperluan murid dalam pendidikan perakaunan.

Kurikulum Standard Prinsip Perakaunan berteraskan kepada pendekatan kontekstual berikut:

1. Memahami aspek-aspek asas perakaunan yang dapat memberikan rasional apa, mengapa dan bagaimana;
2. Memahami bahasa perakaunan sebagai bahasa perniagaan yang digunakan untuk menilai prestasi dan perkembangan kepada suatu usaha perniagaan dengan bijak berdasarkan penyata kewangan yang dibuat dari semasa ke semasa;
3. Membentuk teknik pemikiran yang logik dan kritis melalui proses menyediakan rekod, mentafsir, menganalisis dan mengungkap maklumat serta data perakaunan;
4. Menghargai peranan tmk yang membantu dalam bidang perakaunan;
5. Menghargai kepentingan dan nilai perakaunan kepada individu, perniagaan dan negara;
6. Menguasai pengetahuan dan kemahiran asas perakaunan bagi membolehkan mereka bekerja dengan baik dan seterusnya memajukan diri dalam kerjaya;
7. Membina minat dan kecenderungan untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi dan profesiona) dalam bidang perakaunan; dan
8. Menghayati nilai-nilai murni dan membina sifat-sifat positif yang boleh meningkatkan kualiti dan produktiviti dalam apa sahaja bidang kerja yang diceburi.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan SK dan SP dalam kurikulum Prinsip Perakaunan menyumbang kepada pemerolehan kemahiran abad 21 dalam kalangan murid.

Jadual 1: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai pelajar. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka mengalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika / undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Penyayang / Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap Pemikiran Dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara
Menganalisis	<ul style="list-style-type: none"> Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan
Menilai	<ul style="list-style-type: none"> Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi
Mencipta	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyooalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Terdapat beberapa strategi pengajaran yang boleh diguna pakai oleh guru dalam proses p&p supaya murid melalui pembelajaran secara mendalam. P&p PP akan menjadi lebih berkesan dengan menggunakan strategi berikut:

Pembelajaran Kendiri

Pembelajaran kendiri ini terdiri daripada empat pendekatan iaitu Terarah Kendiri, Kadar Kendiri, Akses Kendiri dan Pentaksiran Kendiri

Strategi ini berfokuskan kepada pembelajaran berpusatkan murid. Melalui pendidikan PP, strategi ini boleh dilaksanakan dengan menggunakan aspek-aspek perakaunan. Murid dapat memberikan rasional apa, mengapa dan bagaimana untuk membentuk teknik berfikir secara kritis, reflektif dan inovatif melalui proses mengklasifikasi, merekod, menganalisis, mentafsir, melapor data kewangan dan membuat keputusan. Mengetahui peranan alatan elektronik yang membantu dalam bidang perakaunan. Strategi ini membolehkan murid menjadi lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran, lebih yakin dan tekun untuk mencapai SP yang dihasratkan.

Pembelajaran Kolaboratif

Pembelajaran kolaboratif merupakan pendekatan yang mementingkan kerjasama dan mengkehendaki murid menjana dan menyampaikan idea dalam kumpulan kecil. Pendekatan ini boleh dilaksanakan guru dengan memberi tugas kepada kumpulan-kumpulan yang telah dikenalpasti. Murid boleh bertukar pendapat atau idea semasa dalam aktiviti p&p secara berkumpulan. Semua ahli kumpulan akan menyumbang pengetahuan, pendapat, kemahiran secara aktif untuk menyelesaikan masalah.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran berasaskan projek merupakan satu model aktiviti bilik darjah yang berbeza dari kebiasaan. Pendekatan aktiviti pembelajaran ini mempunyai jangkamasa yang panjang, mengintegrasikan pelbagai disiplin ilmu, berpusatkan murid dan menghubungkan pengamalan kehidupan sebenar. Projek ditakrifkan sebagai tugas, pembinaan atau siasatan yang teratur yang menjurus kepada matlamat yang spesifik. Dalam pendidikan PP, murid beroleh pengetahuan dan kemahiran semasa proses menyediakan sesuatu projek. Mereka juga

boleh meneroka atau membuat kajian terhadap projek melalui pelbagai sumber maklumat yang relevan.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan Inkuiri berlaku apabila murid mengkaji sesuatu masalah dari pelbagai sudut dan melaksanakan penyelesaian secara satu demi satu dengan memecahkan masalah kepada beberapa masalah kecil. Hal ini dialami sewaktu murid melaksanakan sesuatu projek yang mempunyai beberapa sub projek yang perlu dibuat sebelum menghimpunkannya menjadi projek yang utama. Sesuatu masalah akan mudah dikesan dan dibaiki jika berlaku sesuatu kelemahan. Pengalaman ini membantu murid menangani masalah dan memahami keperluan mencerakin setiap masalah yang diterima.

Penyelesaian Masalah

Kaedah penyelesaian masalah merupakan satu kaedah pembelajaran berasaskan masalah sebenar dan murid dapat menyelesaikan masalah dengan keupayaan mereka sendiri. Kaedah ini boleh dijalankan secara kolaboratif dan berpusatkan murid. Murid perlu kenal pasti masalah, cari kaedah penyelesaian, laksanakan operasi penyelesaian masalah dan menilai kaedah penyelesaian masalah yang digunakan.

Kaedah ini akan melibatkan murid untuk membuat keputusan dalam menyelesaikan masalah. Sebagai contoh, murid ingin menyiapkan sesuatu projek dengan menggunakan bahan yang untuk diperolehi. Maka untuk mengatasi masalah itu, murid hendaklah berbincang dengan rakan bagi mencari penyelesaian alternatif untuk mengatasi masalah tersebut. Guru berperanan sebagai fasilitator dengan memberi panduan kepada murid dalam proses penyelesaian sesuatu masalah pada peringkat awal sesuatu projek.

Pembelajaran Masteri

Pembelajaran Masteri adalah pendekatan p&p yang berfokus kepada penguasaan murid dalam sesuatu perkara yang dipelajari. Melalui pendekatan ini murid diberi peluang untuk maju mengikut kebolehan dan tahap pembelajaran mereka sendiri serta dapat mempertingkatkan penguasaan pembelajaran. Pengetahuan dan kefahaman terhadap sesuatu konsep adalah sangat penting bagi memastikan sesuatu aktiviti yang hendak dijalankan dapat dilaksanakan dengan betul. Pelbagai sumber maklumat dapat membantu murid dalam menguasai sesuatu perkara itu terlebih dahulu. Sebagai contoh dengan melayari laman sesawang yang terpilih akan dapat membantu murid menguasai pengetahuan dan kemahiran yang spesifik.

Konstruktivisme


Pembelajaran secara konstruktivisme ialah satu kaedah di mana murid dapat membina sendiri pengetahuan atau konsep baru secara aktif berdasarkan pengetahuan, kemahiran, nilai dan pengalaman yang telah diperoleh dalam p&p. Melalui pembelajaran konstruktivisme murid menjadi lebih kreatif dan inovatif. Murid boleh mendapatkan data, maklumat dan pengetahuan mengenai sesuatu perkara itu untuk membina pengetahuan atau konsep yang baru.

Pembelajaran Penerokaan

Pembelajaran Penerokaan membolehkan murid belajar melalui penerokaan berdasarkan pengalaman sedia ada. Murid secara aktif mencari dan mengakses maklumat untuk mencapai objektif pembelajaran mereka dalam konteks yang terkawal. Penggunaan gajet dan akses Internet merupakan alat yang paling berkesan dalam menterjemahkan konsep pembelajaran penerokaan memandangkan ianya dapat mencapai maklumat dan pengetahuan dengan cepat bagi membolehkan murid menganalisis dan memproses maklumat yang diingini dalam situasi pembelajaran berbentuk penyelesaian masalah dan kajian masa depan.

Pendekatan STEM (*Science, Technology, Engineering and Mathematics*)

Pendekatan STEM ialah p&p yang mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai STEM melalui inkuiri, penyelesaian masalah atau projek dalam konteks kehidupan harian, alam sekitar dan masyarakat tempatan serta global seperti dalam Rajah 2.



P&p STEM yang kontekstual dan autentik dapat menggalakkan pembelajaran mendalam dalam kalangan murid. Murid boleh bekerja secara berkumpulan atau secara individu mengikut

kemampuan murid ke arah membudayakan pendekatan STEM dengan mengamalkan perkara-perkara seperti berikut;

1. Menyoal dan mengenal pasti masalah,
2. Membangunkan dan menggunakan model,
3. Merancang dan menjalankan penyiasatan,
4. Menganalisis dan mentafsirkan data,
5. Menggunakan pemikiran matematik dan pemikiran komputasional,
6. Membina penjelasan dan mereka bentuk penyelesaian,
7. Melibatkan diri dalam perbincangan dan perbincangan berdasarkan eviden, dan
8. Mendapatkan maklumat, menilai dan berkomunikasi tentang maklumat tersebut.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses p&p selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa p&p bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui p&p semua mata pelajaran.

- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains Dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam p&p merangkumi empat perkara iaitu:

- (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
- (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
- (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
- (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti p&p.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia

6. Kreativiti Dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.

- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad 21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam p&p

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam p&p melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen TMK dalam p&p memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan p&p lebih menarik

dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.

- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, Negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam p&p secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

PENTAKSIRAN SEKOLAH

Pentaksiran Sekolah (PS) adalah sebahagian daripada pendekatan pentaksiran yang merupakan satu proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan sama ada secara formal dan tidak formal supaya guru dapat menentukan tahap penguasaan sebenar murid. PS perlu dilaksanakan secara holistik berdasarkan prinsip inklusif, autentik dan setempat (*localised*). Maklumat yang diperolehi dari PS akan digunakan oleh pentadbir, guru, ibu bapa dan murid dalam merancang tindakan susulan ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid.

PS boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses p&p, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir suatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Dalam melaksanakan PS, guru perlu merancang, membina item, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran yang diajar berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).

Pentaksiran dalam mata pelajaran PP melibatkan pengujian, pengukuran dan penilaian secara holistik. Pentaksiran secara holistik membolehkan murid menggabungkan kefahaman mereka kepada aspek kognitif, psikomotor dan afektif. Bagi memenuhi keperluan MPEI, terdapat dua jenis pentaksiran yang akan dijalankan sepanjang perlaksanaannya iaitu :

- 1 Pentaksiran Berasaskan Standard
- 2 Pentaksiran Berasaskan Projek

Pentaksiran Berasaskan Standard

Pentaksiran berasaskan Standard bagi mata pelajaran ini merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang dihasratkan oleh kurikulum. Pentaksiran dalam bentuk pentaksiran formatif dijalankan seiring dengan proses p&p atau pentaksiran sumatif di akhir proses pembelajaran. Standard Prestasi bagi mata pelajaran ini dibina sebagai panduan untuk guru membimbing murid dan seterusnya mendapatkan maklumat tentang perkembangan individu serta keberkesanan p&p dalam pembangunan dan pembentukan modal insan.

Objektif pentaksiran untuk mentaksir penguasaan murid iaitu;

- Kebolehan berdikari dalam menjalankan kerja buat sendiri secara sistematik, bijaksana dan dengan teknik yang betul serta yakin diri;
- Kenal faham terhadap teknologi dan ekonomi yang sentiasa berubah untuk kehidupan harian;
- Kebolehan mengaplikasikan kreativiti untuk mereka bentuk dan menghasilkan sesuatu produk / projek;
- Kebolehan mengaplikasikan kemahiran bagi menghasilkan sesuatu projek / produk; dan
- Kebolehan mendokumentasikan maklumat secara bersistem.

Standard Prestasi

Standard Prestasi (SPi) merupakan skala rujukan guru untuk menentukan pencapaian murid dalam menguasai SK dan SP yang ditetapkan. Guru perlu menggunakan pertimbangan profesional dalam menentukan tahap penguasaan murid. SPi dibina berdasarkan rubrik yang menunjukkan tahap penguasaan murid melalui proses p&p. Rubrik dibina bagi mengukur tahap pencapaian berdasarkan domain kognitif, psikomotor dan afektif. Standard prestasi mengandungi enam tahap penguasaan yang disusun secara hierarki dari Tahap

Penguasaan 1 yang menunjukkan pencapaian terendah sehingga pencapaian tertinggi iaitu Tahap Penguasaan 6. Setiap tahap penguasaan ditafsirkan secara generik yang menggambarkan pencapaian murid secara holistik seperti Jadual 3

Jadual 3: Penyataan Umum Tahap Penguasaan Prinsip Perakaunan

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengetahui asas perakaunan
2	Memahami konsep asas perakaunan
3	Mengaplikasikan kemahiran asas perakaunan pada sesuatu situasi
4	Menyelesaikan masalah perakaunan mengikut prosedur dan secara sistematik
5	Menggunakan pengetahuan dan kemahiran perakaunan untuk menyelesaikan masalah yang kompleks dengan pelbagai kaedah
6	Menguasai dan mengapikasi pengetahuan dan kemahiran perakaunan untuk digunakan secara kreatif, inovatif dan berkesan

Pentaksiran Berasaskan Projek

Pentaksiran Berasaskan Projek merujuk kepada penilaian kepada tugas, pembinaan atau siasatan spesifik yang dilaksanakan secara teratur oleh murid. Di dalam mata pelajaran PP, murid memperoleh pengetahuan, menguasai kemahiran dan mengamalkan nilai semasa proses menyediakan sesuatu projek. Mereka juga boleh meneroka atau membuat kajian terhadap projek melalui pelbagai sumber maklumat yang relevan.

Pentaksiran Berasaskan Projek bagi mata pelajaran ini boleh dijalankan melalui:

1. pemerhatian;
2. amali;
3. lisan; dan
4. laporan

Keempat-empat cara penilaian ini boleh digunakan untuk menilai projek atau aktiviti yang dijalankan oleh murid sama ada melalui proses kerja atau hasil kerja murid. Pentaksiran yang dijalankan hendaklah mencakupi semua standard pembelajaran yang telah ditetapkan. Pentaksiran yang dijalankan tidak seharusnya menekankan konsep lulus atau gagal. Sebaliknya, pentaksiran hendaklah menekankan sama ada seseorang murid telah menguasai aspek yang dinilai atau belum. Pentaksiran juga seharusnya tidak menekankan perbandingan pencapaian antara seorang murid dengan seorang murid yang lain.

Guru boleh menilai tahap penguasaan dan pencapaian murid dari segi kemahiran, perlakuan, amalan, pengetahuan, serta nilai dan sikap murid melalui pemerhatian aktiviti dan projek yang dijalankan oleh mereka.

ORGANISASI KANDUNGAN

MPEI digubal dalam bentuk pernyataan SK, SP dan SPi yang perlu dicapai oleh murid yang diterangkan seperti dalam jadual 4 sebagai rujukan standard semasa p&p.

Jadual 4: Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid

Dalam organisasi kandungan, terdapat lajur Catatan. Lajur ini mengandungi cadangan aktiviti dan nota. Guru boleh melaksanakan aktiviti tambahan selain daripada yang

dicadangkan mengikut kreativiti dan keperluan untuk mencapai SP.

Mata pelajaran ini dirancang untuk diajar minimum 96 jam setahun. Peruntukan jam ini juga termasuk masa untuk menjalankan kerja-kerja tugas projek PP. Kandungan bagi mata pelajaran ini diorganisasikan dalam modul seperti Jadual 5.

Jadual 5: Kandungan Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan Tingkatan 5 Mengikut Jam

MODUL	JAM
Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan	8
Rekod Tak Lengkap	17
Perakaunan untuk Kawalan Dalaman	13
Perakaunan untuk Perkongsian	19
Perakaunan untuk Syarikat Berhad Menurut Syer	9
Perakaunan untuk Kelab dan Persatuan	14
Perakaunan Kos	16
Jumlah	96

KSSM MPEI PP Tingkatan 5 dibentuk berdasarkan aspek teori dan amalan perakaunan yang disepadukan dalam 7 modul pembelajaran merangkumi bidang perakaunan kewangan dan pengurusan pengekosan. Urutan dan gabung jalin antara satu modul ke modul yang lain dirancang mengikut kitaran perakaunan. Pendekatan p&p bermula dari pemahaman konsep, prinsip, andaian dan batasan perakaunan serta diperkukuhkan dengan kemahiran mengklasifikasi, merekod,

dan melapor data kewangan berdasarkan urus niaga atau peristiwa perniagaan sebenar selaras dengan amalan industri dan keperluan sukatan pelajaran badan profesional pada peringkat yang setara.

Penyampaian kurikulum mata pelajaran ini adalah berdasarkan kepada amalan proses kerja perakaunan yang dijalankan dari satu peringkat ke satu peringkat lain yang dinamakan Kitaran Perakaunan. Dalam proses p&p, nilai-nilai murni, adab dan etika perakaunan disepadukan secara langsung dan tidak langsung sejajar dengan pembentukan modal insan yang berkualiti. Pendekatan yang digunakan seharusnya dapat menggalakkan murid menguasai pelbagai kemahiran pembelajaran dan kemahiran generik yang berteraskan kemahiran berfikir secara kritis, reflektif dan inovatif. Guru perlu mempelbagaikan kaedah p&p khususnya yang berasaskan TMK sesuai dengan cabaran abad ke-21. Kebijaksanaan dan kreativiti guru amat perlu untuk menggalakkan murid menggunakan potensi kecerdasan pelbagai secara optimum.

Penerangan setiap modul adalah seperti jadual 6:

Jadual 6: Penerangan Modul Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan Tingkatan 5

MODUL	PENERANGAN
Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk membuat keputusan	<p>Modul ini memberi pendedahan kepada murid untuk menganalisis, mentafsir dan menilai prestasi kewangan firma berasaskan analisis nisbah keberuntungan, nisbah kecairan dan nisbah kecekapan.</p> <p>Modul ini juga memberi pendedahan dalam membuat perbandingan prestasi firma yang sama bagi tahun kewangan semasa dengan sebelumnya atau antara firma dalam industri yang sama bagi tahun kewangan yang sama. Seterusnya membuat keputusan memilih firma yang sesuai untuk pelaburan.</p>
Rekod Tak Lengkap	<p>Modul ini memberi pendedahan kepada murid untuk mengenal pasti perniagaan yang tidak menyimpan rekod dengan lengkap.</p> <p>Modul ini juga memberi pendedahan kepada penyediaan Penyata Kewangan berdasarkan maklumat perakaunan yang diperoleh menggunakan Kaedah Perbandingan atau Kaedah Analisis.</p>

MODUL	PENERANGAN
Perakaunan untuk Kawalan Dalaman	<p>Modul ini memberi pendedahan berkaitan tujuan dan kaedah dalam kawalan tunai serta keperluan penyediaan Penyata Penyesuaian Bank.</p> <p>Modul ini juga memberi pendedahan kepada perancangan tunai di masa hadapan melalui penyediaan Penyata Belanjawan Tunai serta membuat keputusan dalam perancangan perniagaan.</p>
Perakaunan untuk Perkongsian	<p>Modul ini memberi pendedahan kepada murid berkaitan perniagaan perkongsian, membanding beza daripada aspek perakaunan bagi perkongsian dan milikan tunggal serta penyediaan Penyata Kewangan Perkongsian.</p> <p>Modul ini juga memberi pendedahan kepada pembubaran perkongsian dan tatacara pembubaran dari aspek amalan perakaunan.</p>

MODUL	PENERANGAN
Perakaunan untuk Syarikat Berhad Menurut Syer	<p>Modul ini mendedahkan murid perkara asas penubuhan Syarikat Berhad Menurut Syer serta dokumen yang terlibat, jenis modal Syarikat Berhad Menurut Syer, menghitung modal diterbitkan dan berbayar penuh serta cara perekodan terbitan syer.</p> <p>Modul ini juga memberi pendedahan kepada persembahan bahagian Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan, menghitung dan membezakan dividen interim dan dividen akhir bagi syer biasa dan syer keutamaan.</p>
Perakaunan untuk Kelab dan Persatuan	<p>Modul ini memberi pendedahan tentang matlamat penubuhan kelab dan persatuan berbanding entiti yang berorientasikan keuntungan serta mengenal pasti sumber-sumber kewangan bagi kelab dan persatuan.</p> <p>Modul ini juga memberi pendedahan kepada penyediaan Akaun Yuran, Akaun Penerimaan dan Pembayaran, Akaun Perdagangan bagi aktiviti kelab dan persatuan, Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan serta Penyata Kedudukan Kewangan.</p>

MODUL	PENERANGAN
Perakaunan Kos	<p>Modul ini memberi pendedahan kepada murid tentang konsep kos, jenis-jenis kos pengeluaran, menghitung komponen kos pengeluaran serta penyediaan Akaun Pengeluaran termasuk Kerja dalam proses dan memindahkan kos pengeluaran ke Akaun Perdagangan.</p> <p>Modul ini juga memberi pendedahan kepada perakaunan pengurusan pengekosan, menentukan titik pulang modal dengan menggunakan kaedah Margin caruman dan Graf untuk merancang dan membuat keputusan.</p>

10.0 ANALISIS DAN TAFSIRAN PENYATA KEWANGAN UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
10.1 Analisis Penyata Kewangan dan Perbandingan Prestasi	Murid boleh: 10.1.1 Menerangkan: (i) tujuan Analisis Penyata Kewangan (ii) jenis nisbah dalam Analisis Penyata Kewangan. 10.1.2 Mengira dan mentafsir Nisbah Keberuntungan: (i) Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan (Tokokan) (ii) Peratus Untung Kasar atas Jualan / Margin Untung Kasar (iii) Peratus Untung Bersih atas Jualan / Margin Untung Bersih (iv) Pulangan atas Modal 10.1.3 Mengira dan mentafsir Nisbah Kecairan: (i) Nisbah Semasa (ii) Nisbah Ujian Asid 10.1.4 Mengira dan mentafsir Nisbah Kecekapan: (i) Kadar Pusing Ganti Stok (ii) Tempoh Kutipan Hutang (iii) Tempoh Pembayaran Hutang	Cadangan Aktiviti: Kajian Kes .

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>10.1.5 Mengira dan mentafsir setiap nisbah dengan menghubungkan kait prestasi yang hendak diukur berdasarkan kes.</p> <p>10.1.6 Membanding prestasi:</p> <ul style="list-style-type: none">(i) perniagaan bagi tahun perakaunan semasa dan antara tempoh perakaunan.(ii) antara perniagaan dalam industri yang sama <p>10.1.7 Merumuskan dapatan analisis dan mencadangkan cara meningkatkan prestasi perniagaan berdasarkan pencapaian tahun perakaunan semasa dan antara tempoh perakaunan.</p> <p>10.1.8 Merumuskan dapatan analisis dan memilih perniagaan berdasarkan prestasi</p>	

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyenarai jenis nisbah.
2	Menerangkan tujuan Analisis Penyata Kewangan.
3	Mengira semua nisbah berdasarkan maklumat yang diberikan.
4	Mentafsir semua nisbah berdasarkan dapatan hitungan
5	Menilai prestasi perniagaan mengikut jangka masa atau antara perniagaan dalam industri yang sama dengan menghubungkan kait prestasi yang hendak diukur berdasarkan kes
6	Merumus dapatan analisis prestasi perniagaan untuk mencadangkan peningkatan prestasi dan memilih perniagaan untuk tujuan pelaburan.

11.0 REKOD TAK LENGKAP

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
11.1 Pengenalan Rekod Tak Lengkap	Murid boleh: 11.1.1 Menerangkan: (i) maksud Rekod Tak Lengkap (ii) sebab rekod perniagaan tidak lengkap (iii) kaedah yang boleh digunakan untuk menentukan untung atau rugi perniagaan 11.1.2 Menjelaskan implikasi Rekod Tak Lengkap terhadap maklumat perakaunan perniagaan.	Cadangan aktiviti: Kajian Lapangan
11.2 Kaedah Perbandingan	11.2.1 Menerangkan Kaedah Perbandingan. 11.2.2 Mengklasifikasi maklumat yang perlu untuk menentukan untung atau rugi perniagaan. 11.2.3 Menganalisis aset dan liabiliti pada awal tahun dan akhir tahun. 11.2.4 Menghasilkan Penyata Mengira Modal Awal dan Modal Akhir. 11.2.5 Menghasilkan Penyata Mengira Untung atau Rugi dan Penyata Kedudukan Kewangan.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
11.3 Kaedah Analisis	11.3.1 Menerangkan Kaedah Analisis. 11.3.2 Mengklasifikasi maklumat yang perlu untuk menentukan untung atau rugi perniagaan. 11.3.3 Menganalisis maklumat Buku Tunai berkaitan item Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan. 11.3.4 Mentaksir: (i) jumlah jualan dan jumlah belian. (ii) belanja dan hasil dengan mengambil kira pelarasan. 11.3.5 Menghasilkan Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan.	Cadangan aktiviti: Kerja Kumpulan

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menerangkan sebab rekod perniagaan tidak lengkap
2	Menjelaskan implikasi Rekod Tak Lengkap ke atas Penyata Kewangan.
3	Mengklasifikasi maklumat untuk menentukan untung atau rugi perniagaan bagi Kaedah Perbandingan dan Kaedah Analisis.
4	Menganalisis aset dan liabiliti dan menyediakan Penyata Mengira Modal Awal dan Modal Akhir..
5	Mentaksir Modal Tambahan dan jumlah Ambilan untuk menyediakan Penyata Mengira Untung atau Rugi dan Penyata Kedudukan Kewangan. Mentaksir jumlah sebenar jualan, belian, belanja, hasil, peruntukan hutang ragu, susut nilai.
6	Menghasilkan Penyata Kewangan menggunakan Kaedah Analisis.

12.0 PERAKAUNAN UNTUK KAWALAN DALAMAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
12.1 Kawalan Tunai	Murid boleh: 12.1.1 Menerangkan: (i) tujuan kawalan tunai. (ii) kaedah kawalan tunai.	Cadangan aktiviti: Peta minda
12.2 Penyata Penyesuaian Bank	12.2.1 Menerangkan: (i) fungsi Penyata Bank. (ii) tujuan penyediaan Penyata Penyesuaian Bank. 12.2.2 Menerangkan: (i) sebab perbezaan baki Akaun Bank dalam Buku Tunai dengan baki Penyata Bank. (ii) butiran yang terdapat dalam Buku Tunai tetapi tidak terdapat dalam Penyata Bank dan sebaliknya. (iii) Perbezaan antara angka dalam Penyata Bank dengan Buku Tunai pada suatu transaksi yang sama. 12.2.3 Menghasilkan Penyata Penyesuaian Bank dengan mengemas kini Buku Tunai. 12.2.4 Menghasilkan Penyata Penyesuaian Bank tanpa mengemas kini Buku Tunai.	Kajian Kes

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
12.3 Belanjawan Tunai	12.3.1 Menerangkan kepentingan Belanjawan Tunai. 12.3.2 Menerangkan maksud: (i) Penerimaan dan Pembayaran (ii) Lebihan dan Kurangan (iii) penerimaan sebenar melebihi penerimaan yang dijangka dan sebaliknya. (iv) pembayaran sebenar melebihi pembayaran yang dijangka dan sebaliknya 12.3.3 Melakar format Belanjawan Tunai. 12.3.4 Mengenal pasti butiran penerimaan dan pembayaran. 12.3.5 Menghasilkan Belanjawan Tunai secara manual dan menggunakan aplikasi TMK.	Cadangan aktiviti: Kajian Kes

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menerangkan tujuan dan kaedah kawalan tunai
2	Memberi contoh butiran penerimaan dan pembayaran.
3	Menyediakan Belanjawan Tunai dengan memasukkan baki awal, penerimaan dan pembayaran.
4	Menganalisis item yang terdapat dalam Buku Tunai tetapi tidak terdapat dalam Penyata Bank dan sebaliknya. Mengenal pasti Lebihan atau Kurangan dalam Belanjawan Tunai
5	Memilih kaedah bermula dengan baki kredit atau debit Penyata Bank atau baki debit atau kredit Buku Tunai dan sediakan Penyata Penyesuaian Bank tanpa mengemaskini Buku Tunai Menilai Lebihan atau Kurangan dan Baki akhir dengan menyediakan Belanjawan Tunai secara manual.
6	Menghasilkan Buku Tunai yang dikemas kini dan menyediakan Penyata Penyesuaian Bank bermula dengan baki kredit atau debit Penyata Bank atau baki Buku Tunai yang dikemas kini. Menghasilkan Belanjawan Tunai menggunakan aplikasi TMK..

13.0 PERAKAUNAN UNTUK PERKONGSIAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
13.1 Perniagaan Perkongsian	<p>Murid boleh:</p> <p>13.1.1 Menyatakan tujuan penubuhan perniagaan perkongsian.</p> <p>13.1.2 Membandingkan jenis pemilikan perniagaan daripada aspek perakaunan bagi perniagaan perkongsian dan milikan tunggal.</p> <p>13.1.3 Menjelaskan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) kelebihan perubahan entiti milikan tunggal kepada perniagaan perkongsian. (ii) kandungan Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961 yang berkaitan dengan aspek perakaunan. <p>13.1.4 Menerangkan tujuan memeterai Ikatan Perkongsian.</p> <p>13.1.5 Menerangkan kandungan Ikatan Perkongsian berkaitan aspek perakaunan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Jumlah modal yang disumbangkan oleh pekongsi (ii) Faedah atas modal (iii) Faedah atas ambilan (iv) Faedah atas pinjaman pekongsi (v) Gaji / Elaun / Bonus pekongsi (vi) Kongsii untung atau Kongsii rugi <p>13.1.6 Menjelaskan implikasi jika tiada Ikatan Perkongsian.</p>	Cadangan aktiviti: Simulasi Perkongsian

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
13.2 Akaun Pengasingan Untung Rugi	<p>13.2.1 Menerangkan tujuan penyediaan Akaun Pengasingan Untung Rugi.</p> <p>13.2.2 Menerangkan format Akaun Pengasingan Untung Rugi.</p> <p>13.2.3 Mengira:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Faedah atas ambilan (ii) Faedah atas modal (iii) Gaji / Elaun / Bonus pekongsi (iv) Faedah atas pinjaman pekongsi (v) Kongsi Untung atau Kongsi Rugi berdasarkan pembahagian sama rata, nisbah baki modal awal atau nisbah tetap <p>13.2.4 Menghasilkan Akaun Pengasingan Untung Rugi dalam bentuk 'T' dan format penyata.</p>	Cadangan aktiviti: Kajian Kes dan Imbasan
13.3 Ekuiti Pemilik dan Penyata Kewangan Perkongsian	<p>13.3.1 Menyediakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Akaun Modal menggunakan Kaedah Modal Berubah (ii) Akaun Modal dan Akaun Semasa menggunakan Kaedah Modal Tetap <p>13.3.2 Merekod faedah atas pinjaman pekongsi dalam Akaun Semasa.</p> <p>13.3.3 Menghasilkan Penyata Kewangan Perkongsian berdasarkan maklumat yang berkaitan dalam bentuk 'T' dan format penyata.</p>	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
13.4 Pembubaran Perkongsian	<p>13.3.4 Merumuskan perbezaan Ekuiti Pemilik antara perniagaan perkongsian dan milikan tunggal.</p> <p>13.4.1 Menerangkan sebab pembubaran perkongsian.</p> <p>13.4.2 Menerangkan tatacara pembubaran perkongsian.</p> <p>13.4.3 Merekod pembubaran perkongsian dalam Jurnal Am</p> <p>13.4.4 Menyediakan Akaun Realisasi, Akaun Bank, Akaun Modal pekongsi dan akaun-akaun yang berkaitan.</p> <p>13.4.5 Membincangkan penyelesaian apabila Akaun Modal pekongsi berbaki debit di akhir proses pembubaran.</p>	Cadangan aktiviti: Simulasi Perkongsian

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menerangkan tujuan perniagaan perkongsian ditubuhkan dan sebab berlaku pembubaran perkongsian.
2	Menjelaskan kepentingan memeterai Ikatan Perkongsian dan kandungan Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961 berkaitan aspek perakaunan.
3	Melaksanakan pengiraan faedah atas modal, ambilan, pinjaman perkongsi, gaji/bonus/elaun dan kongsi untung atau kongsi rugi.
4	Menyediakan Akaun Pengasingan Untung Rugi dalam bentuk 'T' dan format penyata Merekod pembubaran perkongsian dalam Jurnal Am.
5	Menggunakan Kaedah Modal Berubah dan Kaedah Modal Tetap untuk menunjukkan tuntutan perkongsian terhadap perkongsi dan tuntutan perkongsi terhadap perkongsian. Mentaksir untung atau rugi realisasi
6	Menghasilkan Penyata Kewangan Perkongsian dalam bentuk 'T' dan format penyata. Menyediakan Akaun Realisasi, Akaun Bank, Akaun Modal perkongsi dan akaun-akaun berkaitan serta merumuskan penyelesaian bagi akaun modal perkongsi berbaki debit di akhir proses pembubaran.

14.0 PERAKAUNAN UNTUK SYARIKAT BERHAD MENURUT SYER

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
14.1 Pengenalan kepada Syarikat Berhad Menurut Syer	Murid boleh: 14.1.1 Menerangkan tatacara penubuhan Syarikat Berhad Menurut Syer mengikut Akta Syarikat 2016. 14.1.2 Menyatakan kandungan Perlembangan Syarikat Berhad Menurut Syer. 14.1.3 Membandingkan ciri Syarikat Persendirian dan Syarikat Awam. 14.1.4 Memberikan: (i) contoh Syarikat Persendirian; dan (ii) contoh Syarikat Awam yang tersenarai dalam Bursa Malaysia	Cadangan aktiviti: Perbahasan Rujuk Seksyen 31-36, Akta Syarikat 2016.
14.2 Jenis modal dan terbitan syer	14.2.1 Menerangkan: (i) jenis modal syer (ii) ciri Syer Biasa dan Syer Keutamaan bersifat kumulatif 14.2.2 Mengira modal diterbitkan dan berbayar penuh 14.2.3 Merekod terbitan syer dalam Jurnal Am. 14.2.4 Memindahkan catatan daripada Jurnal Am ke lejar. 14.2.5 Mengusulkan tindakan sekiranya modal diterbitkan tidak habis dilanggan atau terlebih langganan dalam tempoh yang ditetapkan.	Kuiz Tiada Modal Berdaftar Rujuk Seksyen 74, Akta Syarikat 2016.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
14.3 Ekuiti Pemilik Syarikat Berhad Menurut Syer	14.3.1 Menunjukkan komponen Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan. 14.3.2 Membezakan komponen Ekuiti Pemilik bagi Syarikat Berhad Menurut Syer, Pekongsian dan Milikan Tunggal	Cadangan Aktiviti: Pencarian Maklumat
14.4 Dividen tunai	14.4.1 Menerangkan maksud dividen tunai. 14.4.2 Menjelaskan jenis dividen tunai. 14.4.3 Mengira: (i) dividen interim dan dividen akhir (ii) dividen syer keutamaan dan syer biasa bagi beberapa tahun kewangan 14.4.4 Membincangkan sebab berlakunya dividen tertunggak. 14.4.5 Merumuskan hak pemegang syer keutamaan bersifat kumulatif terhadap dividen tertunggak.	Kajian Kes

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menerangkan jenis modal syer, ciri syer biasa dan syer keutamaan bersifat kumulatif.
2	Menjelaskan jenis dividen.
3	Melaksanakan pengiraan modal diterbitkan dan berbayar penuh untuk syer biasa atau syer keutamaan. Melaksanakan pengiraan dividen interim dan dividen akhir.
4	Merekod terbitan syer dalam Jurnal Am dan Lejar.
5	Membincang sebab berlakunya dividen tertunggak dan menilai tunggakan dividen bagi pemegang syer keutamaan bersifat kumulatif
6	Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan dengan menunjukkan komponen Ekuiti Pemilik. Mengusulkan tindakan sekiranya modal diterbitkan tidak habis dilanggan atau terlebih langganan dalam tempoh yang ditetapkan.

15.0 PERAKAUNAN UNTUK KELAB DAN PERSATUAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
15.1 Kelab dan Persatuan	<p>Murid boleh:</p> <p>15.1.1 Menerangkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) takrif Kelab dan Persatuan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (ii) tatacara dan matlamat penubuhan sesebuah Kelab dan Persatuan berbanding entiti yang berorientasikan keuntungan (iii) sumber utama kewangan Kelab dan Persatuan. <p>15.1.2 Membanding akaun-akaun Kelab dan Persatuan dengan akaun-akaun entiti yang berorientasikan keuntungan.</p> <p>15.1.3 Menganalisis sama ada aktiviti mencari keuntungan bagi sesebuah Kelab dan Persatuan bertentangan dengan motif utama penubuhannya.</p>	Cadangan aktiviti: Simulasi Penubuhan Kelab dan Persatuan
15.2 Akaun Penerimaan dan Pembayaran	<p>15.2.1 Menerangkan tujuan penyediaan Akaun Penerimaan dan Pembayaran.</p> <p>15.2.2 Memberi contoh item penerimaan dan pembayaran.</p> <p>15.2.3 Menyediakan Akaun Penerimaan dan Pembayaran dalam bentuk 'T' dan format nyata.</p> <p>15.2.4 Membezakan Akaun Penerimaan dan Pembayaran dengan Buku Tunai bagi entiti yang berorientasikan keuntungan</p>	Simulasi Akaun Penerimaan dan Pembayaran

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
15.3. Akaun Yuran Ahli	15.3.1 Menerangkan maksud Yuran 15.3.2 Menerangkan maksud Yuran Semasa, Yuran Lapuk, Yuran Belum Terperoleh dan Yuran Belum Terima. 15.3.3 Menyediakan Akaun Yuran Ahli.	Cadangan aktiviti: Simulasi Akaun Yuran Ahli
15.4 Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan	15.4.1 Menerangkan tujuan penyediaan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan. 15.4.2 Menerangkan maksud lebihan dan kurang pendapatan 15.4.3 Memberi contoh hasil dan belanja bagi Kelab dan Persatuan. 15.4.4 Mentafsir Pendapatan Hasil, Pendapatan Modal, Perbelanjaan Hasil dan Perbelanjaan Modal 15.4.5 Menyediakan Akaun Perdagangan dalam bentuk 'T' dan format penyata. 15.4.6 Mentaksir untung atau rugi aktiviti berkala bagi Kelab dan Persatuan. 15.4.7 Menghasilkan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan dalam bentuk 'T' dan format penyata.	Simulasi Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan Simulasi Akaun Perdagangan

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
15.5 Penyata Kedudukan Kewangan Kelab dan Persatuan	<p>15.4.8 Memberi alasan item yang terdapat dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran tidak direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.</p> <p>15.4.9 Membahas sebab nilai item yang direkodkan dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran tidak sama dengan nilai item yang direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan</p> <p>15.5.1 Menerangkan maksud Dana Terkumpul.</p> <p>15.5.2 Mengira Dana Terkumpul.</p> <p>15.5.3 Menghasilkan Penyata Kedudukan Kewangan dalam bentuk 'T' dan format penyata.</p> <p>15.5.4 Merumuskan perbezaan komponen Dana Terkumpul Kelab dan Persatuan dengan komponen Ekuiti Pemilik entiti yang berorientasikan keuntungan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.</p>	Cadangan aktiviti: Simulasi Penyata Kedudukan Kewangan

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyenaraikan item penerimaan dan pembayaran serta item hasil dan belanja bagi Kelab dan Persatuan.
2	Menerangkan maksud Pendapatan Hasil dan Pendapatan Modal, Perbelanjaan Hasil dan Perbelanjaan Modal, lebihan dan kurangan pendapatan. Serta Dana Terkumpul.
3	Menyediakan Akaun Penerimaan dan Pembayaran dalam bentuk 'T' dan format penyata dan Akaun Yuran Ahli.
4	Menganalisis jumlah jualan dan belian, belanja berkaitan dan menengkapkan Akaun Perdagangan dalam bentuk 'T' dan format penyata.
5	Mentaksir untung atau rugi aktiviti berkala dan Dana Terkumpul Menentukan perbelanjaan hasil dan pendapatan hasil dan melengkapkan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan dalam bentuk 'T' dan penyata.
6	Menghasilkan Penyata Kewangan Kelab dan Persatuan dalam bentuk 'T' dan format penyata.

16.0 PERAKAUNAN KOS

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
16.1 Jenis kos dan Kerja Dalam Proses	Murid boleh: 16.1.1 Menyatakan konsep kos dan jenis kos. 16.1.2 Menyenaikan komponen kos pengeluaran. 16.1.3 Mengira: (i) Kos Bahan Langsung. (ii) Kos Buruh Langsung. (iii) Kos Belanja Langsung. (iv) Kos Prima. (v) Kos Overhed. 16.1.4 Menerangkan maksud Kerja Dalam Proses Awal dan Kerja Dalam Proses Akhir. 16.1.5 Mengira setiap komponen kos pengeluaran dengan mengambilkira Kerja Dalam Proses.	Cadangan aktiviti: Kajian Lapangan di kilang atau IKS berhampiran dan pembentangan hasil dapatan
16.2 Akaun Pengeluaran	16.2.1 Menyatakan tujuan penyediaan Akaun Pengeluaran 16.2.2 Menyediakan Akaun Pengeluaran tanpa mengambil kira Kerja Dalam Proses Awal dan Kerja Dalam Proses Akhir dalam bentuk 'T' dan format penyata 16.2.3 Menghasilkan Akaun Pengeluaran dengan mengambilkira Kerja Dalam Proses Awal dan Kerja Dalam Proses Akhir dalam bentuk 'T' dan format penyata.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
16.3 Analisis Titik Pulang Modal	<p>16.2.4 Memindahkan Kos Pengeluaran daripada Akaun Pengeluaran ke Akaun Perdagangan.</p> <p>16.2.5 Merumuskan justifikasi pengagihan sebahagian daripada kos ke Penyata Kos Pengeluaran dan Penyata Pendapatan.</p> <p>16.3.1 Menerangkan maksud: (i) Analisis Titik Pulang Modal (ii) Kos Tetap, Kos Berubah dan Margin Caruman</p> <p>16.3.2 Mengira: (i) Kos Tetap (ii) Kos Berubah (iii) Jumlah kos (iv) Jumlah hasil (v) Margin Caruman Seunit. (vi) Titik Pulang Modal menggunakan Kaedah Margin Caruman.</p> <p>16.3.3 Menganalisis Titik Pulang Modal dengan mengambil kira perubahan pada salah satu komponen kos dan harga jualan.</p> <p>16.3.4 Menentukan keuntungan berdasarkan kuantiti yang disasarkan dengan menggunakan Kaedah Margin Caruman.</p> <p>16.3.5 Menjana kuantiti yang perlu dikeluarkan untuk mencapai untung sasaran yang ditetapkan berdasarkan sesuatu situasi</p>	Cadangan aktiviti: Projek Jualan sempena aktiviti Hari Keusahawanan, Hari Sukan Sekolah, Hari Guru, Hari Koperasi dan lain-lain

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
	<p>16.3.6 Menyelesaikan masalah pulangan modal yang dihadapi oleh sesebuah firma dengan menggunakan analisis Titik Pulang Modal</p> <p>16.3.7 Melakar graf Titik Pulang Modal</p> <p>16.3.8 Menentukan Titik Pulang Modal dengan menggunakan Kaedah Graf</p> <p>16.3.9 Menganalisis Titik Pulang Modal menggunakan kaedah graf.</p> <p>16.3.10 Menjana keuntungan berdasarkan kuantiti yang disasarkan dengan menggunakan Kaedah Graf</p>	

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<p>Menyatakan konsep dan jenis kos.</p> <p>Menyenaraikan komponen kos pengeluaran.</p>
2	<p>Menerangkan maksud Kerja Dalam Proses Awal, Kerja Dalam Proses Akhir</p> <p>Mentafsir Kos Tetap, Kos Berubah dan Margin Caruman</p>
3	<p>Mengklasifikasikan kos kepada Kos Bahan Langsung, Buruh Langsung, Belanja Langsung dan Overhed</p> <p>Menggunakan maklumat Kos Tetap dan Margin Caruman untuk mengira Titik Pulang Modal dan melakar graf Titik Pulang Modal</p>
4	<p>Mengenal pasti Kerja Dalam Proses Awal dan Akhir bagi setiap komponen kos pengeluaran.</p> <p>Menganalisis graf Titik Pulang Modal yang dilakar dan melorek kawasan untung dan rugi serta menandakan Titik Pulang Modal dalam unit dan ringgit</p>
5	<p>Mentaksir Titik Pulang Modal dengan mengambil kira perubahan pada salah satu komponen kos atau harga jualan</p>
6	<p>Menghasilkan Akaun Pengeluaran dengan mengambil kira Kerja Dalam Proses dan memindahkan Kos Pengeluaran ke dalam Akaun Perdagangan dalam bentuk 'T' dan format penyata.</p> <p>Menjana keuntungan berdasarkan kuantiti yang disasarkan dengan menggunakan Kaedah Margin Caruman dan Kaedah Graf.</p>

PANEL PENGGUBAL

1. Abdul Hamid bin Mohd Yunus
Bahagian Pembangunan Kurikulum
2. Dr. Ibrahim bin Tamby Chik
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak
3. Dr. Mohd Fairuz bin Md. Salleh
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
4. T. Shanmugam a/l Thangavelu
IPG Kampus Pendidikan Teknik, Nilai, Negeri Sembilan
5. Abdul Nasir bin Asmaon
SMK Gedangsa, Kuala Kubu Bahru, Selangor
6. Azahari bin Hj. Mohd Yatim
SMK Bukit Rambai, Melaka
7. Fazilatulliza binti Abu Bakar
SMKA Sharifah Rodziah, Teluk Mas, Melaka
8. Hafinaz binti Agil
SMK (Felda) Seri Sendayan, Seremban, Negeri Sembilan
9. Mohd Don bin Hadi
SMK Semerah, Batu Pahat, Johor
10. Nor Azimah binti Zakaria
SMK Bandar Baru Serting, Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan
11. Noraishah binti Shafie
SMK Taman Tuanku Jaafar, Seremban, Negeri Sembilan
12. Noriha binti Hussin
SMK Putrajaya Presint 8 (1), Putrajaya
13. Norman bin Naim
SMK Dato' Syed Esa, Batu Pahat, Johor
14. Roslan bin Atan
SMK Sungai Abong, Muar, Johor
15. Rusilawati binti Moin
Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya
16. Saripah Ainon binti Saim
SMKA Sultan Muhammad, Batu Berendam, Melaka

TURUT MENYUMBANG

- | | |
|---|--|
| 1. Rozita binti Rosli | Bahagian Buku Teks |
| 2. Siti Amnah binti Sahran | Lembaga Peperiksaan |
| 3. Prof. Datuk Dr. Amir Hussin bin Baharuddin | Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah |
| 4. Norhayati bt. Ahamad Tajuddin | SMK Ibrahim, Sungai Petani, Kedah |
| 5. Rokiah binti Mohd Ali | SMK Seksyen 9, Shah, Alam, Selangor |
| 6. Sri Ram a/l Bilangwaty | SMKA Lelaki Al-Mashoor, Georgetown, Pulau Pinang |

PENGHARGAAN

Penasihat

Dr. Sariah binti Abd. Jalil	- Pengarah
Shamsuri bin Sujak	- Timbalan Pengarah
Datin Dr. Ng Soo Boon	- Timbalan Pengarah

Penasihat Editorial

Dr. A'azmi bin Shahri	- Ketua Sektor
Mohamed Zaki bin Abd. Ghani	- Ketua Sektor
Haji Naza Idris bin Saadon	- Ketua Sektor
Hajah Chetrilah binti Othman	- Ketua Sektor
Zaidah binti Mohd. Yusof	- Ketua Sektor
Mohd Faudzan bin Hamzah	- Ketua Sektor
Dr. Rusilawati binti Othman	- Ketua Sektor
Mohamed Salim bin Taufix Rashidi	- Ketua Sektor



Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,
62604 Putrajaya,
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://bpk.moe.gov.my>